



KENYATAAN TAWARAN MAJLIS DAERAH PENKALAN HULU

1. Tawaran ini adalah dipelawa kepada Penilai-penilai yang aktif dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dan **Lembaga Penilai Pentaksir dan Ejen Hartanah Malaysia** yang dibenarkan memasuki tawaran kerja-kerja seperti berikut:-

Bil.	Tajuk Kerja	Lawatan Tapak (Wajib)	Harga Dokumen Sebutharga
1.	Kerja-Kerja Penilaian Bagi Maksud Kadaran ke atas Hartanah Khas (Perlombongan Bijih Timah) Milik Syarikat Rahman Hydraulic Tin Bhd. Majlis Daerah Pengkalan Hulu. No. Fail : KAD/A12/14/2	25-Mei-2010, (Selasa) jam 11.00 pagi <i>Kos lawatan tapak adalah tanggungjawab Syarikat Tuan/Puan.</i>	RM50.00

2. Semua tawaran hendaklah dibuat di dalam "Lampiran Q" berserta dengan kertas cadangan penilaian (profosal) dan profil syarikat. Kesemua dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertulis:

2.1 Sebutharga 02/2010 (Penilaian) - Kerja-Kerja Penilaian Bagi Maksud Kadaran ke atas Hartanah Khas (Perlombongan Bijih Timah) Milik Syarikat Rahman Hydraulic Tin Sdn. Bhd.

3. Semua tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dialamatkan kepada **YANG DIPERTUA, MAJLIS DAERAH PENKALAN HULU, 33100 PENKALAN HULU, PERAK DARUL RIDZUAN** dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga Majlis Daerah Pengkalan Hulu** pada waktu pejabat sebelum atau pada **8 Jun 2010 (Selasa)** sebelum jam **12.00** tengahari.

4. Dokumen tawaran akan dijual kepada penilai-penilai dan wakil-wakil yang sah sahaja, ia boleh diperolehi di Pejabat Majlis Daerah Pengkalan Hulu, pada waktu pejabat sahaja mulai pada hari lawatan tapak diadakan.

5. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

6. Sekiranya mana-mana pihak ada menawarkan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegah Rasuah 1997.

7. Majlis Daerah Pengkalan Hulu tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah.

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH PENKALAN HULU
PERAK DARUL RIDZUAN**